



PENSYARAH Kanan Fakulti Bahasa Modern dan Komunikasi UPM, Dr Rohaidah Kamaruddin (kiri) bersama Mohd Khairil menunjukkan kubur milik tokoh tempatan di Kampung Padang Lekuk, Rembau.

# Nisan bukti tanda ‘kuasa’

**Dua tokoh Rembau kemungkinan Panglima Awang**

Syazwan Msar

mohdsyazwan@NSTP.com.my

Rembau

**K**ubur Tok Tua atau Datuk Laut di Kampung Lekuk Dalam, di sini, kemungkinan adalah lokasi jasad Panglima Awang dikebumikan berdasarkan penceritaan penduduk tempatan dan sejarah penubuhan institusi Rembau pada 1540.

Pengkaji sejarah tempatan, Mohd Khairil Hisham berkata, Rembau sebuah kawasan penempatan pembesar dan tidak mustahil ia menjadi pusat dagangan dan pembekal rempah serta emas kepada Melaka ketika zaman dahulu.

Mohd Khairil berkata, kawasan berkenaan mempunyai sekurang-kurangnya 10 kubur tidak bertanda dipercaya kemungkinan milik pembesar atau tokoh di Rembau dan ada antaranya berada di kawasan hutan serta ladang kelapa sawit tanpa dilakukan kajian secara serius.

“Kubur berkenaan memerlukan penelitian berdasarkan garis masa bagi mengesahkan kemungkinan ia sama dengan zaman Panglima Awang.

“Jika diikutkan ada dua tokoh di Rembau yang berkesempatan Panglima Awang iaitu Datuk Laut dan

Datuk Laut Dalam yang diberi gelaran terbabit berdasarkan kepada kemahiran serta kebolehan mereka ketika berada di lautan,” katanya.

Menurutnya, batu nisan yang digunakan juga ber-

beza iaitu berbentuk leper merujuk kepada lelaki manakala bulat pula adalah perempuan.

“Hal ini kerana institusi Rembau mengangkat wanita sebagai pemimpin atau golongan yang dihormati malah hanya daripada keturunan mereka yang layak diangkat sebagai pemimpin,” katanya.

Sementara itu, Penyelidik Pusat Penyelidikan Perancis di Timur Tengah, Prof Dr Daniel Perret berkata, beliau tidak dapat menentukan tarikh dan pemilik kubur berkenaan kerana memerlukan kajian terperinci berikut ia tidak bertanda atau tiada nama.

“Ada antara kubur pembesar atau tokoh pada zaman dahulu menggunakan batu sungai saja dan nama si mati tidak diukir.

“Jika diikutkan ada puluhan jenis batu nisan di kawasan Tanah Melayu yang digunakan bagi menentukan status serta pemilik kubur berkenaan sama ada daripada kalangan rakyat biasa atau tokoh dihormati,” katanya.

**“Batu nisan yang digunakan juga berbeza iaitu berbentuk leper merujuk kepada lelaki manakala bulat pula adalah perempuan”**

**Mohd Khairil Hisham**



DR Rohaidah (kiri) dan Mohd Khairil di lokasi kubur milik seorang tokoh tempatan di Kampung Padang Lekuk, Rembau.